

12/05/2001

Raja Nazrin mahu generasi muda tahu tanggungjawab

IPOH, Jumaat - Generasi muda perlu merenung diri apakah tanggungjawab mereka terhadap diri, masyarakat dan negara supaya dapat melalui kehidupan dengan lebih bermakna, kata Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah.

Beliau berkata, golongan muda perlu tahu menilai diri serta berusaha memastikan nilai diri yang dimiliki digunakan sepenuhnya untuk menjadi insan berguna.

"Ini adalah masa bagi golongan muda menjawab soalan abadi mengenai kehidupan iaitu erti tanggungjawab anda dan kepentingan diri terhadap masyarakat.

"Golongan muda perlu berdepan dengan nilai diri, mempersoalkannya semula dan cuba memahaminya. Selepas itu, cubalah fikirkan bagaimana mahu meneruskan hidup dengan nilai diri yang dimiliki.

"Selain itu, bukalah fikiran terhadap setiap pengalaman yang dilalui dalam hidup," katanya ketika berucap merasmikan Festival Belia Antarabangsa Malaysia (MIYF) di kawasan rekreasi Gunung Lang di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Diraja Tajol Rosli Ghazali; Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Datuk Dr Ishak Yeop Mohamad Shar dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Tenaga Manusia, Belia dan Sukan negeri, Datuk Jamal Nasir Rasdi.

Lebih 70 belia dari 20 negara menyertai MIYF selain lebih 100 peserta tempatan. Sepanjang festival tujuh hari itu, peserta didedahkan mengenai kebudayaan masing-masing selain melalui beberapa sesi latihan dan membina semangat.

MIYF diadakan sempena sambutan Hari Belia Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan di sini, Selasa ini.

Hari Belia tahun ini akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Raja Nazrin berkata, sistem pendidikan yang liberal adalah suatu kelebihan kepada golongan belia kerana mendedahkan mereka dengan karya sastera, sejarah, falsafah dan pemikiran kritikal.

"Pendedahan kepada subjek itu mampu meningkatkan tahap keintelektualan pelajar. Ia meningkatkan kapasiti berfikir dan mencari alasan.

"Selain itu, ia juga mendedahkan kita kepada kemanusiaan, perasaan sayang dan prihatin.

"Ia seterusnya membentuk anggota masyarakat penyayang serta sentiasa mahu membantu golongan tidak bernasib baik," katanya.

Raja Nazrin berkata, golongan muda perlu terus melaksanakan tanggungjawab masing-masing dalam membangunkan negara.

Sementara itu, Tajol Rosli dalam ucapannya berkata, golongan muda perlu belajar untuk bertolak ansur, bersabar serta bertoleransi sebagai persiapan menjadi pemimpin masa depan.

(END)